

1. Sebagai balasan pihak tuan mempertimbangkan kesesuaian saya sebagai Penyewa, saya bersetuju bahawa tawaran ini tidak boleh dibatalkan dalam tempoh dua puluh satu hari. Apabila pihak tuan menandatangani Memorandum Penerimaan di sini dengan sendirinya menjadi satu penerimaan yang mengikat bagi tawaran saya. Tidak ada tindakan pihak tuan terdahulu ataupun penyerahan barang-barang di bawah perjanjian ini (selepas ini disebut "Barang-Barang" itu) atau mana-mana bahagiannya kepada saya atau penerimaan dari saya apa jua wang akan dianggap sebagai penerimaan dan jika pihak tuan memperoleh Barang-Barang itu (yang mana atau atas mana saya tidak ada hak pemilikan atau hak kontraktual ke atasnya sebagaimana saya memberi jaminan), maka barang-barang itu akan menjadi harta mutlak pihak tuan dan pihak tuan tidak akan berobligasi untuk menyewakan atau melupuskannya kepada saya dan sehingga Memorandum tersebut ditandatangani pihak tuan mempunyai budi bicara sepenuhnya sama ada atau tidak pihak tuan mahu menerima tawaran ini. Apabila diterima oleh pihak tuan, penyewaan itu akan dianggap telah bermula pada tarikh yang tertera pada muka surat sebelah.
2. Saya bersetuju
 - (a) untuk membayar deposit (yang termasuk deposit dalam apa jua bentuk selain dari wang tunai) yang dinyatakan dalam perkara (ii) Bahagian III dalam Jadual;
 - (b) untuk membayar tepat pada masanya dan tanpa terlebih dahulu dituntut ansuran bulanan yang diperincikan dalam Bahagian IV Jadual itu atau ansuran bulanan yang dipinda berdasarkan pengiraan di bawah Fasal 3 (selepas ini disebut "Ansuran") dan semua pembayaran lain di bawah ini yang dibenarkan oleh Akta Sewa Beli 1967 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta tersebut") atau perundangan yang berkuatkuasa pada masa berkenaan walau apapun kecacatan, kerosakan, kerugian (termasuk kerugian menyeluruh) atau kebinasaan terhadap Barang-Barang itu atau atas apa jua sebab saya tidak akan dapat milikan, kawalan atau kegunaan Barang-Barang itu;
 - (c) bahawa apa-apa jumlah wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini kepada pihak tuan melalui pos adalah atas risiko saya sendiri dan hendaklah bebas dari caj-caj penukaran. Pembayaran dengan cek bagi apa-apa jumlah yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini akan hendaklah hanya dikreditkan ke dalam akaun saya setelah penjelasan cek berkenaan oleh jurubank pihak tuan;
 - (d) untuk membenarkan pihak tuan menggunakan atas budi bicara pihak tuan wang yang dibayar oleh saya untuk membayar atau membayar sebahagian dari apa-apa pembayaran, hutang atau tanggungan yang berbangkit dari Perjanjian ini dan/atau mana-mana perjanjian tambahan kepada Perjanjian ini melainkan ditegah oleh Akta tersebut;
 - (e) untuk dan bagi pihak tuan, untuk memastikan supaya Barang-Barang itu disimpan dalam keadaan baik dan teratur. Saya akan melindungi pihak tuan atas tuntutan terhadap semua kerugian (termasuk kerugian menyeluruh), kerosakan, tuntutan dan perbelanjaan yang timbul daripada sebarang kerosakan ke atas Barang-Barang itu walau bagaimana ia disebabkan dan/atau untuk apa-apa pembaikan atau penggantian ke atas Barang-Barang itu. Semua pembaikan dan penggantian terhadap Barang-Barang yang timbul daripada apa jua sebab sekalipun hendaklah dilaksanakan oleh seseorang yang diluluskan secara bertulis oleh pihak tuan dan atas perbelanjaan saya Dengan Syarat bahawa saya adalah ditegah dari mewujudkan sebarang lien atau menyandarkan kredit pihak tuan untuk pembaikan Barang-Barang itu atau untuk sebarang tujuan lain sekalipun;
 - (f) untuk membayar tepat pada masanya semua lesen, yuran, cukai, yuran pendaftaran dan semua pembayaran lain yang kena dibayar berkaitan dengan Barang-Barang atau penggunaannya;
 - (g) tidak akan melepaskan milikan atau meminjamkan, menjual, menyewakan, menggadaikan atau dengan apa jua cara berurusan atau melupuskan atau cuba melupuskan Barang-Barang itu;
 - (h) untuk memberitahu kepada pihak tuan secara bertulis melalui pos berdaftar dengan serta-merta tentang sebarang perubahan alamat saya dan tidak akan memindahkan Barang-Barang itu daripada alamat sedemikian itu tanpa terlebih dahulu mendapatkan keizinan bertulis dari pihak tuan;
 - (i) untuk mematuhi dan menuruti semua undang-undang, undang-undang kecil, statut, peraturan dan arahan pihak berkuasa berkaitan dengan Barang-Barang itu atau penggunaannya dan untuk melindungi pihak tuan dari tuntutan terhadap sebarang tuntutan dan kos apa jua pun yang timbul dari penggunaan, pengendalian dan peyimpanan Barang-Barang itu atau dalam apa jua cara berhubungan dengannya;
 - (j) untuk memberitahu pihak tuan secara bertulis dengan serta-merta melalui pos berdaftar jika Barang-Barang itu menjadi perkara subjek bagi apa-apa litigasi, prosiding perundangan, penyitaan, perlucutan hak, perampasan, pelaksanaan undang-undang, sekatan atau lien oleh mana-mana orang dan akan menanggung semua kos dan perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar peguamcara dan klien) untuk melepaskan Barang-Barang itu;
 - (k) apabila diminta oleh pihak tuan, akan mengemukakan Barang-Barang itu untuk pemeriksaan dan ujian oleh pihak tuan, ejen atau pekerja pihak tuan dan memberikan kepada mereka segala kemudahan-kemudahan yang munasabah dan sesuai untuk membolehkan mereka berbuat demikian;
 - (l) tidak akan membuat sebarang tambahan atau perubahan ke atas Barang-Barang itu atau melekatkan atau memasang apa-apa aksesori, peralatan atau alat ke atas Barang-Barang itu atau dengannya tanpa kebenaran bertulis pihak tuan dan jika semuanya itu dilekatkan kepada atau dipasang ke atas atau dengan Barang-Barang itu sama ada dengan atau tanpa kebenaran pihak tuan, semuanya itu akan dianggap sebagai sebahagian dari Barang-Barang itu dan akan tertakluk kepada semua terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini. Saya akan mengekalkan sebarang lambang pengenalan atau tanda atau plat pembuat seperti termasuk nombor casis dan enjin Barang-Barang itu dan tidak akan menanggalkan, membuang, mengubah, memadam atau merosakkan atau apa-apa cara lain mengganggunya;
 - (m) untuk dan bagi pihak tuan, untuk memeriksa keadaan Barang-Barang dalam segala aspek dan mendapatkan penyerahan Barang-Barang itu;
 - (n) memberitahu pihak tuan dengan serta-merta sekiranya Barang-Barang itu hilang, rosak atau dilucut hak dan melindungi pihak tuan terhadapnya di mana kerugian (termasuk kerugian menyeluruh) pihak tuan untuk jumlah ini adalah seolah-oleh saya telah memilih untuk menggunakan hak saya untuk menyempurnakan penyelesaian awal pada tarikh kehilangan/kemusnahan sedemikian menurut Seksyen 14 Akta tersebut;
 - (o) bahawa jika Barang-Barang itu adalah kenderaan motor, saya TIDAK akan mengubah pusat pendaftaran kenderaan itu tanpa kebenaran bertulis pihak tuan terlebih dahulu, atau membenarkan mana-mana orang untuk memandu kenderaan itu atau menggunakan atau membenarkan untuk digunakan kenderaan itu kecuali menurut sijil takaful/polisi insurans yang pada masa itu berkuatkuasa atau untuk memandu atau membenarkan kenderaan itu meninggalkan:- (i) wilayah Semenanjung Malaysia, sekiranya alamat saya adalah di dalam wilayah Semenanjung Malaysia; dan (ii) wilayah Malaysia Timur, sekiranya alamat saya adalah di dalam wilayah Malaysia Timur, atau menyebabkan atau membenarkan perakuan pemilikan anda di atas kad pendaftaran untuk kenderaan itu dibatalkan;
 - (p) bahawa jika Barang-Barang itu adalah barangan pengguna untuk membayar tepat pada masanya semua sewaan dan pembayaran wang keluar lain yang kena dibayar berkaitan dengan tempat di mana Barang-Barang itu disimpan supaya Barang-barang itu bebas dari distress atau bentuk pelaksanaan prosiding lain yang dilevikan yang mungkin menjejaskan hak milikan pihak tuan terhadap Barang-Barang itu;
 - (q) untuk membayar tepat pada masanya semua bayaran yuran lesen, cukai, bayaran yuran pendaftaran dan semua bayaran lain berkaitan dengan Barang-Barang itu dan penggunaannya yang mana jika gagal pihak tuan mempunyai kebebasan, tetapi tidak akan terikat, untuk membuat pembayaran sedemikian itu dan jika pihak tuan membuat pembayaran itu, saya akan membayarnya balik kepada pihak tuan apabila dituntut;
 - (r) Walau apapun mana-mana peruntukan lain di dalam Perjanjian ini, saya bersetuju dan mengakujnji bahawa sekiranya Ansuran dan atau apa jua wang, caj lain yang kena dibayar, walau apa jua sebab sekalipun, tidak dibayar kepada pihak tuan pada tarikh yang ditetapkan baginya, saya akan membayar kepada pihak tuan caj pampasan seperti yang dikira dengan cara yang telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ("BNM"):
 - (i) Ketika dalam tempoh Perjanjian – satu peratus (1%) setahun atau pada kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas jumlah ansuran tertunggak;
 - (ii) Apabila Perjanjian ditamatkan – satu peratus (1%) setahun atau pada kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas jumlah tertunggak (jumlah pembiayaan yang tertunggak beserta dengan bayaran bertempoh yang terakru);
 - (iii) Selepas tamat tempoh Perjanjian - Kadar Pasaran Wang Antara Bank BNM ("IIMM") atau pada kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas jumlah tertunggak (jumlah pembiayaan yang tertunggak beserta dengan bayaran bertempoh yang terakru);
 - (iv) Selepas Penghakiman - Kadar Pasaran Wang Antara Bank BNM ("IIMM") atau pada kadar lain yang diluluskan oleh BNM ke atas jumlah dasar penghakiman.
 Caj pampasan tidak akan dikompaun dan kadar rujukan bagi kerugian sebenar akan ditentukan pada ketika tunggakan berlaku, dikira atas dasar harian dari tarikh perlu bayar.

- *3. (a) Tertakluk kepada Fasal 2 di atas, pihak tuan boleh, atas budi bicara mutlak pihak tuan, memberikan rebat kepada saya ke atas Baki yang Mulanya Patut Dibayar di bawah Bahagian III dalam jadual di bawah prinsip Ibra' pada mana-mana tempoh tertentu yang akan ditentukan oleh pihak tuan sekiranya Kadar Keuntungan Efektif (EPR) yang terpakai pada satu tempoh tertentu adalah lebih rendah berbanding Kadar Keuntungan Yang Dikontrakkan (CPR). Jika jumlah keseluruhan Bayaran Bertempoh yang dikira berdasarkan CPR adalah melebihi keseluruhan jumlah bayaran bertempoh yang diperolehi berdasarkan EPR yang terpakai dari semasa ke semasa dalam Tempoh Bayaran di bawah Bahagian IV dalam Jadual lebihan yang berkenaan akan diberikan rebat ke atas Baki yang Mulanya Patut Dibayar pada tarikh tamat Tempoh Bayaran dengan syarat bahawa pemberian rebat itu tidak akan dengan apa cara memberi kesan kepada tanggungjawab saya untuk membayar Baki yang Mulanya Patut Dibayar. Jumlah Ansuran yang kena dibayar adalah dikira berdasarkan EPR. Pihak tuan boleh di atas budi bicara pihak tuan untuk meminda bilangan dan jumlah Ansuran yang kena dibayar dalam Tempoh Bayaran sekiranya terdapat perubahan ke atas EPR berikutan perubahan Kadar Pembiayaan Asas Islam (IFR) dengan syarat bahawa jumlah keseluruhan Ansuran yang kena dibayar dalam tempoh bayaran hendaklah tidak melebihi Baki yang Mulanya Patut Dibayar.
- (b) Sekiranya EPR terpakai berubah pada satu tempoh tertentu, saya akan, dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis yang dinyatakan dalam Fasal 15, memberitahu pihak tuan secara bertulis tentang keputusan saya sama ada
- mengekalkan bilangan ansuran yang sedia ada dan mengubah jumlah bayaran ansuran; atau
 - mengekalkan bayaran ansuran yang sedia ada dan mengubah bilangan ansuran, serta meminta pengiraan yang telah dipinda ke atas jumlah bayaran dan/atau bilangan ansuran yang baru daripada pihak tuan.
- (c) Jika saya gagal untuk memberitahu pihak tuan tentang keputusan saya yang dinyatakan di atas, maka selepas tempoh tujuh (7) hari dari tarikh notis yang dinyatakan pada Fasal 15, pihak tuan boleh di atas budi bicara mutlak pihak tuan, untuk melakukan pindaan yang sepatutnya sama ada mengekalkan bayaran ansuran yang sedia ada dan mengubah bilangan ansuran dan saya hendaklah disifatkan sebagai memillih untuk bersetuju dengan pindaan yang sama.
- (d) Suatu penyata dikeluarkan oleh pihak tuan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa dari pihak tuan pada bila-bila masa ialah jumlah bayaran ansuran, bilangan ansuran, jumlah bayaran bertempoh, kadar bayaran bertempoh yang dikenakan, hendaklah, melainkan berlakunya kesilapan, merupakan penyata mutakhir dan muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atas sebarang dan apa jua perkiraan.
- (e) Saya dengan ini juga bersetuju bahawa sebarang pengakuan atau penerimaan secara bertulis oleh pihak tuan atau oleh sesiapa yang diberi kuasa bagi pihak tuan atau satu sijil bertulis yang menunjukkan Keberhutangan saya di mana telah disahkan oleh pegawai tuan yang diberi kuasa hendaklah mengikat dan merupakan bukti muktamad ke atas saya untuk apa jua tujuan termasuk sebagai bukti muktamad tentang Keberhutangan saya di Mahkamah undang-undang.
- (f) Walau apapun tanggungjawab saya berkaitan bayaran dan tempoh yang dirujuk dalam Bahagian III dan Bahagian IV dalam Jadual, pihak tuan boleh, di atas permintaan saya dan atas pilihan pihak tuan, meminda amaun dan tempoh bayaran tersebut sebagaimana pihak tuan akan tentukan.
4. Jika Barang-Barang itu adalah kenderaan bermotor, saya seterusnya bersetuju untuk dan bagi pihak tuan dan di atas perbelanjaan saya untuk menyebabkan supaya Barang-Barang itu dilindungi dengan syarikat pengendali takaful/ insurans yang bereputasi baik di bawah perlindungan takaful/insurans yang komprehensif di bawah nama saya dengan perakuan yang mencatatkan kepentingan pihak tuan sebagai Pemunya dalam Barang-Barang itu yang menyatakan bahawa tidak ada pembayaran yang akan dibayar kepada saya di bawah sijil/polisi ini sehingga kepentingan itu sudah dilepaskan sama ada terhadap kebakaran, kemalangan, kecurian, rusuhan dan mana-mana risiko lain (termasuk kejadian *force majeure* yang diperincikan dalam Fasal 7) yang pihak tuan mungkin tentukan untuk tahun kedua dan tahun seterusnya semasa tempoh Perjanjian ini dan selepas itu selagi apa-apa jumlah wang belum bayar dibawah Perjanjian ini belum dijelaskan. Sekiranya saya gagal atau cuai untuk membarui perlindungan takaful/insurans tersebut seperti yang dikehendaki, pihak tuan adalah bebas tetapi tidak terikat untuk memperbaharui perlindungan takaful/insurans dimana saya akan bertanggungjawab untuk membayar kepada pihak tuan apabila dituntut apa-apa jumlah yang telah dibelanjakan oleh pihak tuan untuk memperbaharui perlindungan takaful/insurans tersebut.
5. Saya tidak boleh menukar syarikat pengendali takaful/insurans tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada pihak tuan dan akan membayar sumbangan takaful/premium insurans yang patut dibayar itu tepat pada masanya dan tidak akan melakukan apa-apa yang boleh menjejaskan pada bila-bila masa mana-mana perlindungan takaful/insurans ke atas Barang-Barang itu.
6. Saya dengan ini secara tidak boleh dibatalkan melantik pihak tuan sebagai ejen saya untuk memulih dan/atau berkompromi dengan nama saya atau nama pihak tuan apa-apa tuntutan bagi kerugian (termasuk kerugian menyeluruh) atau kerosakan di bawah semua perlindungan takaful/insurans berkenaan dengan Barang-Barang itu dan untuk menerima semua wang yang dibayar di bawahnya dan untuk memberi kepada syarikat pengendali takaful/insurans itu resit yang benar dan pelepasan untuknya dan wang takaful/insurans sedemikian akan dikreditkan ke dalam akaun saya dengan pihak tuan dalam atau terhadap penjelasan jumlah wang yang perlu dibayar kepada pihak tuan di bawah Perjanjian ini di mana saya bertanggungjawab untuk membayar apa-apa jumlah wang yang masih kekal tertunggak di bawah Perjanjian ini.
7. Saya memahami dan bersetuju bahawa sekiranya perlindungan untuk kebinasaan berkaitan dengan Barang-Barang yang disebabkan oleh *force majeure* adalah melebihi pelan takaful/insurans sedia ada, pihak tuan adalah bertanggungjawab atas kebinasaan tersebut dengan syarat saya akan mengemukakan bukti yang menafikan kelalaian saya untuk kejadian di mana kebinasaan adalah disebabkan oleh *force majeure*. Sekiranya ketiadaan bukti yang tiadanya kecuai di pihak saya (seperti laporan polis, pengisytiharan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, laporan akhbar atau pengakuan saksi), pihak tuan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab atas kebinasaan itu. Bagi tujuan Fasal ini, *force majeure* adalah bermaksud apa-apa sebab yang menjangkau kawalan munasabah saya dan pihak tuan termasuklah tetapi tidak terhad kepada satu kejadian yang menghalang mana-mana pihak untuk melaksanakan kewajibannya berkaitan dengan Perjanjian ini, gempa bumi, puting beliung, banjir, petir, taufan, sebarang malapetaka alam lain, peperangan (yang diisytiharkan atau yang tidak diisytiharkan), pencerobohan, serangan musuh asing, permusuhan antara negara, keganasan, mogok, pemberontakan awam atau rampasan kuasa tentera, pencemaran nuklear, embargo, penyitaan oleh kerajaan tau apa-apa faktor yang bersifat *force majeure*.
8. Saya dengan ini mengisytihar bahawa dari tarikh Perjanjian ini dan apabila penghantaran Barang-Barang itu, saya akan memegang Barang-Barang itu sebagai pemegang amanah terang-terangan/baili untuk dan bagi pihak tuan berkenaan dengan Barang-Barang yang dipunyai oleh pihak tuan dibawah Perjanjian ini yang merupakan pemunyaan benefisial terhadap Barang-Barang itu bagi tujuan untuk memudahkan prosedur pembiayaan Al-Ijarah Thumma Al-Bai. Saya boleh memilih untuk menjadi pemunya bagi Barang-Barang itu dengan membayar jumlah pembiayaan yang tertunggak beserta dengan bayaran bertempoh yang terakru dan dikira sehingga tarikh bayaran yang berikut termasuk caj pentadbiran dan sebarang jumlah yang patut dibayar oleh saya mengikut Perjanjian ini. Sehingga penyelesaian penuh tersebut, pengisytiharan amanah akan ipso facto berakhir dan pengisytiharan amanah tersebut akan pada masa tersebut dibatal.
9. Saya dengan ini berakujanji untuk membeli Barang-Barang itu dengan serta-merta apabila berlakunya pembayaran ansuran yang terakhir, dimana pembayaran ansuran terakhir itu turut merangkumi RM1 sebagai harga jualan.
10. Saya boleh memilih pada bila-bila masa untuk menamatkan Perjanjian ini dengan mengembalikan Barang-Barang itu kepada pihak tuan bersama-sama dengan semua lesen, buku atau sijil pendaftaran, sijil takaful/polisi insurans (selepas ini disebut sebagai Dokumen-Dokumen itu) menurut Seksyen 15 dalam Akta tersebut dan membayar kepada pihak tuan sejumlah yang bersamaan dengan jumlah yang dirujuk di Seksyen 15(5) dan 15(6) Akta tersebut.
11. Sekiranya berlaku sebarang kemungkiran peruntukan Perjanjian ini berkaitan dengan pembayaran ansuran, atau jika saya ingkar dalam pembayaran mana-mana jumlah wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini atau jika saya gagal mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini atau mana-mana cek yang diberi oleh saya sebagai Deposit atau sebahagian dari Deposit itu tidak laku atau mana-mana Barang yang dijual oleh saya sebagai Deposit atau sebahagian daripada Deposit kepada pihak tuan atau kepada peniaga didapati bukan harta saya yang mutlak dan tidak dibebankan atau pelaksanaan atau distres adalah dilevikan ke atas saya atau aset atau harta saya atau jika saya adalah sebuah syarikat, penerima dan/atau pengurus adalah dilantik ke atas mana-mana bahagian aset atau harta saya, maka dengan itu dan dalam mana-mana kejadian tersebut, saya akan menyerahkan milikan Barang-Barang itu termasuk Dokumen-Dokumen kepada pihak tuan di alamat pihak tuan yang dinyatakan di sini atau mana-mana alamat lain yang dimaklumkan oleh pihak tuan dan tanpa prasangka kepada hak-hak dan tuntutan-tuntutan yang pihak tuan mungkin ada ke atas saya, pihak tuan adalah berhak untuk serta merta mengambil milikan Barang-Barang itu dan pihak tuan selaku Pemunya boleh mengambil balik pemilikan Barang-Barang itu termasuk Dokumen-Dokumen itu dan selepas itu jika pihak tuan sudah mengambil milikan Barang-Barang itu di bawah Seksyen 16 Akta tersebut, Seksyen 16A hingga Seksyen 19 Akta tersebut akan terpakai.

12. Sekiranya berlaku kematian saya, anda berhak untuk melaksanakan sebarang kuasa untuk mengambil pemilikan Barang yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini sekiranya terdapat empat pembayaran tertunggak secara berturut-turut bagi semua jumlah yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini, mengikut Seksyen 16 (1C) Akta tersebut.
13. Sebarang kos dan perbelanjaan yang mungkin pihak tuan dikenakan dalam menentukan kedudukan atau pemulihan atau untuk mendapat balik milikan Barang-Barang atau secara umumnya menguatkuasakan Perjanjian ini (termasuk kos guaman atas dasar peguamcara dan klien) hendaklah dibayar oleh saya kepada pihak tuan apabila dituntut. Dan jika pihak tuan mengambil semula pemilikan di bawah Fasal 10 dan Fasal 11 perjanjian di sini, saya hendaklah membayar kepada pihak tuan jumlah wang yang demikian yang kena dibayar di bawah Akta tersebut tetapi jika pihak tuan tidak boleh atas apa jua sebab sekalipun untuk mengambil semula pemilikan Barang-Barang itu pihak tuan adalah sebaliknya berhak untuk pemulihan atas tuntutan daripada saya jumlah agregat yang tertunggak bagi ansuran sewa, caj pampasan dan mana-mana jumlah wang lain yang tertunggak di bawah Perjanjian ini.
14. Bagi tujuan pemulihan Keberhutangan saya di bawah Perjanjian ini dan/atau mengambil pemilikan Barang-Barang pihak tuan, pekerja, wakil atau ejen pihak tuan berhak untuk memasuki premis yang diduduki atau dalam milikan saya di mana Barang-Barang itu mungkin dijumpai.
15. Tiada pengecualian oleh pihak tuan atas apa-apa pelanggaran oleh saya boleh disifatkan sebagai satu pengeneapan bagi mana-mana pelanggaran berterusan atau yang berulang. Tidak ada kelonggaran, kelewatan, masa dan lain-lain kesabaran yang diberikan oleh pihak tuan akan menjejaskan hak yang ketat pihak tuan di bawah Perjanjian ini.
16. Sekiranya Barang-Barang itu diambil semula milikannya atau dikembalikan, pihak tuan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung bagi mana-mana harta atau benda-benda yang didakwa ditinggalkan dalam Barang-Barang itu oleh saya. Dan melainkan harta dan benda-benda demikian dijumpai dalam Barang-Barang itu diambil oleh saya dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis tersebut dikeluarkan atau disampaikan oleh pihak tuan kepada saya, pihak tuan adalah bebas untuk menjual harta atau benda-benda tersebut dan hasil jualan bersih baginya akan dikreditkan ke akaun saya tetapi sekiranya pihak tuan tidak dapat menjual harta atau benda-benda tersebut dalam tempoh yang berpatutan, pihak tuan bolehlah melupuskannya dengan apa jua cara yang pihak tuan anggap sesuai. Saya akan melindungi pihak tuan terhadap apa-apa tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga bagi apa-apa harta benda yang dijual, dilupuskan atau dimusnahkan sedemikian itu yang mana pihak ketiga yang berkenaan itu mempunyai atau menuntut kepentingan.
17. (a) Mana-mana akaun, tuntutan atau notis yang diperlukan atau diberi kuasa supaya diberikan oleh mana-mana pihak di sini kepada pihak lain di bawah Akta tersebut dan begitu juga apa-apa akaun, tuntutan atau notis yang diperlukan atau diberi kuasa untuk diberikan oleh pihak tuan kepada saya termasuk Writ Saman atau proses pemula lain terhadap saya akan dianggap telah disampaikan kepada saya sendiri atau dihantar kepada saya melalui pos atau ditinggalkan di alamat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini atau di alamat perniagaan atau persendirian saya yang biasa atau yang terakhir diketahui. Apa-apa akaun, tuntutan, notis, Writ Saman atau proses pemula tersebut yang dihantar melalui pos dengan muktamadnya akan dianggap telah diterima oleh saya pada masa pengeposan tersebut walaupun terdapat bukti sebaliknya. Dengan syarat sentiasa bahawa pihak tuan akan hanya dianggap telah diberitahu tentang perubahan alamat saya jika pihak tuan telah sebenarnya menerima notis bertulis tentang pertukaran itu yang dihantar oleh saya.
- (b) *Walaupun peruntukan berkaitan dengan kadar bayaran bertempoh yang dinyatakan sebelum dari ini, pihak tuan adalah berhak dari semasa ke semasa, atas budi bicara pihak tuan, meminda Kadar Pembiayaan Asas Islam (IFR) dengan memberikan notis tentang perubahan IFR itu dengan syarat sentiasa bahawa tarikh kuatkuasa perubahan IFR yang dikenakan hendaklah menurut tarikh yang dinyatakan dalam notis itu. Walau apapun yang dinyatakan sebelum dari ini, sebarang kelewatan atau kegagalan pihak tuan untuk memberi notis yang selaras dengan peruntukan yang terkandung di sini tidak boleh mengecualikan tanggungjawab saya untuk membayar ansuran yang ditentukan oleh pihak tuan.
18. (a) Dalam Perjanjian ini, di mana konteks membenarkannya perkataan-perkataan yang membawa makna maskulin juga termasuk feminin dan perkataan-perkataan yang membawa makna bilangan tunggal juga termasuk bilangan jamak dan begitu juga sebaliknya dan di mana terdapat dua atau lebih orang termasuk dalam ungkapan "Penyewa" mereka akan dianggap bertanggung secara bersesama dan berasingan di bawah terma Perjanjian ini;
- * (b) Pernyataan "Kadar Keuntungan yang Dikontrakkan (CPR)" adalah bermaksud kadar keuntungan yang dipersetujui oleh pihak tuan dan saya untuk tujuan menentukan bayaran bertempoh;
- * (c) Pernyataan "Kadar Keuntungan Efektif (EPR)" hendaklah bermaksud kadar keuntungan efektif yang mengandungi Kadar Untung (Variasi) dan Kadar Pembiayaan Asas Islam (IFR) dan di mana terpakai, boleh ditentukan atau ditetapkan oleh pihak tuan pada mana-mana tempoh untuk tujuan menentukan jumlah Ansuran yang kena dibayar dalam Tempoh Bayaran;
- * (d) Pernyataan "Kadar Pembiayaan Asas Islam (IFR)" adalah bermaksud kadar pembiayaan asas Islam mewakili kos pembiayaan pihak tuan yang ditentukan oleh pihak tuan dari semasa ke semasa dan ditambahkan terhadap kos dana yang diterbitkan oleh pihak tuan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa yang lain;
- * (e) Pernyataan "Kadar Keuntungan (Variasi)" adalah bermaksud kadar keuntungan sebagai sebahagian dari EPR;
- (f) Walau apapun peruntukan Seksyen 15 dalam Akta Undang-Undang Sivil 1956 (atau sebarang pindaan) atau berlaku kejadian yang boleh menyebabkan Perjanjian ini tidak dapat dilaksanakan atau tidak dapat disempurnakan Perjanjian ini atau yang sebaliknya boleh membawa Perjanjian ini tidak mungkin dilaksanakan kerana apa jua sebab, saya bersetuju bahawa saya akan terus terikat dengan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.
19. Saya memahami dan bersetuju bahawa:
- (a) Sebarang fi servis dan segala wang yang perlu dibayar oleh saya di bawah Perjanjian ini, termasuk sebarang amaun yang berupa pembayaran semula yang perlu dibayar oleh saya kepada anda, yang tertakluk kepada cukai, haruslah dibayar tanpa tolak selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang pemotongan untuk atau di atas akaun dan sebarang tuntutan atau sebarang pengurangan atau sekatan.
- (b) Sekiranya saya dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat sebarang pengurangan atau sekatan daripada fi servis dan/atau semua wang yang perlu dibayar kepada anda dibawah Perjanjian ini berhubung dengan sebarang Cukai atau sebaliknya, jumlah yang perlu dibayar oleh saya berhubung dengan pengurangan atau sekatan hendaklah di naikkan supaya fi servis bersih dan/atau amaun bersih bagi wang yang diterima oleh anda adalah bersamaan dengan apa yang anda atau sebaliknya telah diterima tanpa sebarang pengurangan atau sekatan perlu atau telah dibuat.
- (c) Selain daripada fi servis dan segala wang yang perlu dibayar oleh saya, semua Cukai yang berkaitan hendaklah dbayar kepada anda pada kadar berkaitan semasa dan/atau amaun yang telah ditetapkan oleh anda untuk melunaskan sebarang pembayaran Cukai/liabiliti/kewajipan sehubungan dengannya tanpa sebarang tolak selesai, sekatan atas syarat dan tanpa sebarang pengurangan untuk atau ke atas akaun dengan sebarang tuntutan atau pengurangan atau sekatan, selain daripada sebarang Cukai yang mungkin diperlukan mengikut undang-undang untuk dibayar terus kepada mana-mana Pihak Penguatkuasa, yang akan disalurkan terus kepada Pihak Penguatkuasa.
- (d) Sekiranya pada bila-bila masa pembetulan dilakukan atau perlu dilakukan di antara anda dan Pihak Penguatkuasa Cukai ke atas akaun sebarang amaun yang telah dibayar sebagai Cukai disebabkan oleh sebarang keluaran yang dibuat atau dianggap dibuat atau perkara lain yang berhubung dengan Perjanjian ini dengan anda, atau pembetulan berikutnya seperti yang dibenarkan dengan budi bicara anda di antara anda dan saya dan sehubungan itu, sebarang pembayaran yang berkaitan dilakukan supaya pembetulan boleh dilakukan.
- (e) Semua Cukai hendaklah dibayar oleh saya kepada anda seperti yang dilampirkan dan dibayar pada sebagaimana waktu dan dalam bentuk yang dianggap wajar seperti yang diminta oleh anda.
- (f) Saya dengan ini bersetuju untuk melakukan perkara yang wajar seperti yang diminta anda bagi membantu anda untuk mematuhi segala kewajipan seperti yang tertulis dalam akta di bawah Cukai yang perlu dilaksana. Sekiranya ada Cukai baru yang diperkenalkan dan Cukai tersebut diwajibkan untuk dibayar ke atas transaksi seperti yang tertulis di dalam Perjanjian ini, saya bersetuju untuk menyediakan atau memberi sepenuh kerjasama kepada anda bagi membantu anda mematuhi segala kewajipan di bawah undang-undang yang berkenaan.
- (g) Untuk mengelakkan keraguan, pihak yang bersetuju yang mana-mana jumlah yang perlu dibayar atau amaun yang digunakan untuk pengiraan bagi jumlah yang dimaklumkan perlu dibayar di mana-mana bahagian di dalam Perjanjian ini telah dikenalpasti tanpa sebarang kaitan dan tidak memasukkan amaun yang akan ditambah di bawah klausa tentang akaun Cukai.
- (h) Bagi maksud Fasal 19:
"Cukai" bermaksud seperti mana-mana masa kini atau masa depan, langsung atau tidak langsung, cukai di Malaysia atau luar negara, levi, sumbangan, duti, caj, yuran, pemotongan atau penangguhan mana-mana sifat, yang dikenakan oleh mana-mana Penguatkuasa, termasuk, tanpa had, mana-mana cukai seperti cukai barangan dan servis ("GST") dan cukai lain yang berkenaan dan mana-mana faedah, saman atau penalti yang berkenaan dengannya.

- “Pihak Penguatkuasa” bermaksud sebarang penguatkuasa kerajaan atau pencukaian.
20. Apa-apa terma, syarat atau peruntukan yang terkandung di sini yang tidak menurut undang-undang, batal, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan akan menjadi tidak berkesan setakat mana ia tidak menurut undang-undang, kebatalan, larangan atau tidak boleh dikuatkuasakan sahaja tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan lain di sini.
 21. Sebagai tambahan pada pendedahan yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“IFSA”), Saya dengan cara tidak boleh batal memberi kuasa dan membenarkan pihak tuan, pegawai tuan dan pekerja tuan untuk mendedahkan dan memberi semua maklumat mengenai Keberhutangan Perjanjian ini, Barang-Barang tersebut, akaun terkini dan akaun masa hadapan yang dikendalikan oleh saya dan apa jua perkara yang berkaitan dengan saya atau perniagaan dan operasi saya kepada:
 - (a) insituti kewangan yang lain yang memberi atau berhasrat untuk memberi sebarang kemudahan pembiayaan atau kemudahan kredit kepada saya, Biro Kredit Pusat atau sebarang biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Biro Maklumat Cek, Korporasi Jaminan Kredit, sebarang badan berkuasa yang berkenaan seperti yang diberikuasa oleh undang-undang untuk memperoleh maklumat tersebut atau badan berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau sebarang agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia atau Persatuan Bank-Bank di Malaysia;
 - (b) sebarang badan korporat yang terkini atau pada masa hadapan yang mungkin berhubung atau berkait kepada pihak tuan (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016), termasuk wakil cawangan dan pejabat cawangan dan wakil mereka beserta dengan anak syarikat yang dipegang oleh syarikat pemegang tuan dan/atau syarikat pemegang Hong Leong Bank Berhad;
 - (c) Pihak Sekuriti atau pihak lain yang bercadang untuk memberi sekuriti bagi Keberhutangan ini;
 - (d) juruaudit, peguamcara dan/atau ejen tuan yang berkaitan dengan kutipan wang-wang yang terhutang dan kena dibayar di sini; dan
 - (e) penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, nomini, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam peruntukan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh tuan dan syarikat yang berhubung atau berkaitan dengan tuan.Saya dengan ini dengan cara tidak boleh batal membenarkan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak tuan, pegawai tuan dan pekerja tuan tidak akan menanggung sebarang liabiliti untuk mendedahkan maklumat tersebut atau untuk akibat atas sebarang kebergantungan yang mungkin diletakkan atas sebarang maklumat yang telah didedahkan di bawah Perjanjian ini. Saya dengan ini secara nyata memberi kuasa dan membenarkan pihak tuan untuk memperoleh sebarang maklumat yang lain berkaitan dengan saya dari sebarang agensi rujukan kredit atau sumber-sumber lain dan pada bila-bila masa pihak tuan difikirkan sesuai.
 22. Saya dengan ini bersetuju dengan cara tidak boleh batal, dan membenarkan tuan untuk memegang, mengumpul dan menggunakan semua data peribadi yang diberikan kepada tuan atau diperolehi oleh tuan dari domain awam, beserta dengan data peribadi yang diperolehi dari peruntukan perkhidmatan kepada saya berkaitan dengan Keberhutangan di bawah Perjanjian ini atau akaun saya yang lain yang dikekalkan dengan tuan, tertakluk pada Dasar Privasi pihak tuan seperti yang dipinda dari masa ke semasa.

“Dasar Privasi” bermakna dasar dan prinsip tuan yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan tuan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan yang boleh didapati di laman web tuan atau dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai dari semasa ke semasa.
 23. Saya dengan ini memberi representasi dan memberi waranti bahawa saya telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan saya untuk Keberhutangan di bawah Perjanjian ini atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada tuan bagi menyokong permohonan itu dan/atau wakil yang diberi kuasa mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang diberi kuasa atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh tuan (“Subjek Data Relevan”), untuk pengumpulan tuan, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada Subjek Data Relevan mengikut Dasar Privasi tuan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
 24. Masa di mana dinyatakan di dalam Perjanjian ini hendaklah menjadi intipati Perjanjian ini.
 25. Pihak tuan adalah berhak, pada bila-bila masa, tanpa persetujuan saya, untuk menyerahkan hak semua atau mana-mana hak kepentingan dan manfaat pihak tuan dalam atau menurut Perjanjian ini atau dalam Barang-Barang itu termasuk tetapi tidak terhad kepada lesen yang diberikan kepada pihak tuan, pekerja, wakil dan/atau ejen pihak tuan untuk memasuki tanah atau premis untuk memeriksa dan/atau mengambil balik milikan Barang-Barang itu dan/atau menjual Keberhutangan saya di bawah Perjanjian ini, sekiranya akaun berkaitan dengan Keberhutangan saya ditentukan sebagai tertunggak atau terjejas oleh anda, kepada pihak ketiga yang anda anggap sesuai mengikut budi bicara tunggal dan mutlak anda.
 26. Untuk membolehkan pihak tuan untuk mematuhi IFSA dan Garispanduan BNM berkenaan Transaksi Kredit & Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait (Garispanduan tersebut), saya mesti mengaku kepada pihak tuan sama ada saya adalah pihak yang berkaitan seperti yang dinyatakan di Garispanduan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, isteri, anak, ibu bapa atau tanggungan kewangan oleh Pengarah, Pegawai Eksekutif pihak tuan atau pegawai kelulusan-kredit/penilaian/tinjauan, atau dalam kes pelanggan korporat/perniagaan, termasuk entiti yang dikawal oleh seseorang yang berkaitan. Jika pada bila-bila masa saya menjadi seseorang yang berkaitan, saya mesti memaklumkan kepada pihak tuan secara bertulis dengan kadar segera. Tuan mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini jika saya gagal untuk membuat pengakuan yang sewajarnya atau benar, yang menyebabkan pihak tuan melanggar IFSA atau Garispanduan tersebut.
 27. Jadual yang tertera di muka surat sebelah hendaklah membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini.
 28. *Kadar Keuntungan Efektif minimum yang dikenakan kepada kemudahan hendaklah tidak kurang daripada 4.00% setahun dikira atas baki harian atau kadar minimum lain yang ditetapkan oleh anda dari semasa ke semasa.
 29. Perlantikan Ejen
Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan hak anda di bawah Perjanjian ini, anda mempunyai hak mengikut budi bicara mutlak anda, untuk melantik ejen pilihan anda sendiri untuk mengutip semua dan mana-mana jumlah yang tertunggak kepada anda daripada saya di bawah Perjanjian ini.
 30. Perjanjian ini akan mengikat ahli waris saya, pembubar, penerima, wakil, penerima serah hak yang dibenarkan dan pengganti hakmilik dan boleh dikuatkuasakan oleh pengganti hakmilik dan penerima serah hak anda.

* Ini tidak akan terpakai untuk Pembiayaan Auto-i yang menggunakan kadar pembiayaan tetap.